

Prang Besar Estate (1921)

Dirujuk oleh

- [1930-01-21: Tapak Penyelidikan Ladang Prang Besar](#)

Sejarah Ringkas

[Sejarah Ladang Prang Besar](#): Ladang Prang Besar dibuka pada 16 Ogos 1921: *“On 16 August 1921, 900 acres of jungle land was granted to nine officers returned from the Great War as the First World War (1914-1918) was known at the time. During the next three years, this acreage was increased to 2026 acres as other officers who had served in the war took up grants of adjacent land given by the Government. It was the policy of the Government of the day to alienate land to serving British officers to encourage rubber cultivation. The original nine officers formed a private company to develop the block of virgin jungle selected by Gough. They named the company Prang Besar Estate Ltd. in commemoration of the Great War, “the war to end all wars”, in which they had fought. The seal or chop adopted by Prang Besar Estate showed a young rubber tree rising out of a shell explosion and was designed by one of the nine, Lt. Commander JC Amcotts, DSC, RN. Another pioneer was Commander GHA Willis, CB, RN, who had a field Ladang Willis named after him. ETH Gough remained a Director of Prang Besar Estate Ltd until his death in 1952.”* (VD Nair (Pengurus estet Prang Besar tahun 1950-an), 1990-an:

["The Story of Prang Besar Estate"](#)).

1921-04-16: Pembukaan

CATATAN
SEJARAH
TEMPATAN

PRANG BESAR


Pusat Benih Getah Antarabangsa

Oleh **AZIMAH MOHD. ALI**
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
Foto Ihsan **ARKIB NEGARA MALAYSIA**

S EJARAH awal Prang Besar bermula dengan tertubuhnya Prang Besar Estate Limited pada 16 April 1921 di Mokim Kajang lalu di sekitar kawasan Hutan Ayer Hitam dan Jalan Telok Datoh yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 900 ekar. Ladang ini dinamakan Prang Besar yang bermakna Great War, kemudian diterjemahkan sebagai Prang Besar mengambil sempena Perang Dunia Pertama. Kesemua pemilik tanah ini terdiri daripada bekas-bekas tentera British yang pernah menyertai perang tersebut. Mereka adalah Mejar E.H.T. Gough, Kapten K.E. Turley, Kapten H.S. Hewett, Kapten P.K. Paul, Major C. Burn Callander, Mejar C. Burn Murdoch, Lett. F. St. Barbe, Lieut. J. Crockett-Amcotts dan Lett. kol. S.W. Bunker.


Pemberian tanah ini adalah melalui satu skim yang diperkenalkan oleh kerajaan British dan dinamakan "War Service Land Grant Scheme". Skim ini telah diwartakan dalam F.M.S. Supplement Gazette No. 771 pada 14 Februari 1920. Warta ini dikeluarkan bagi menerangkan bagaimana cara permohonan boleh dibuat dan setiap permohonan hendaklah dimajukan kepada "Central Registry, War Service Land Scheme, Kuala Lumpur" dalam dua salinan.

Di bawah skim ini, setiap bekas tentera British yang hendak mengemukakan permohonan mereka mestilah seorang rakyat British atau rakyat di empat buah negeri dalam Negeri-Negeri Melayu Bersatu; pernah menyertai peperangan sebagai seorang tentera British; mempunyai pekerjaan yang tetap di Negeri-Negeri Melayu Bersatu semasa peperangan meletus dan juga semasa permohonan dikemukakan. Sekiranya permohonan tersebut berjaya, mereka akan diberi 100 ekar tanah seorang. Pemberian tanah hanya akan dihadkan di tiga buah negeri di barat Tanah Melayu dan tanah-tanah tersebut perlu diserahkan untuk



Peta Daerah Ulu Langat yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur pada tahun 1925 menunjukkan kawasan Estate Prang Besar

pertanian sahaja. Selepas tiga tahun penubuhannya, kawasan Ladang Prang Besar ini bertambah kepada 2026 ekar dengan mengambil alih tanah-tanah bekas tentera British yang lain melalui beberapa perjanjian. Pada permulaannya Ladang ini lebih merumpukan perhatiannya kepada kerja-kerja menentumkan tunas-tunas getah untuk mendapatkan benih yang lebih baik, di samping meletakkan asas yang kukuh dalam menggiatkan benih-benih dan pokok-pokok getah yang bermutu tinggi. Orang yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan adalah Mejar E.H.T. Gough. Beliau mengambil pelbagai inisiatif dalam menghasilkan klon-klon getah yang bermutu tinggi. Pada 1 Disember 1925, Ladang Prang Besar ini dijual kepada Sir Eric Macfarlane untuk Syarikat Harrison dan Crosfield. Ketika itu hampir 1031 ekar daripada 2 026 ekar diperuntukkan bagi menentumkan tunas getah dan menyemai biji getah daripada pokok-pokok getah yang bermutu tinggi. Ladang Prang Besar merupakan ladang yang pertama di Tanah Melayu yang boleh menghasilkan dan menggiatkan benih-benih getah yang terbaik.



Kejayaan Ladang Prang Besar dalam hal ini tidak dapat disangkal; membolehkan ladang ini diletakkan setaraf dengan Institut Penyelidikan Getah (IRI) dalam pelbagai penyelidikan benih getah. Kejayaan ladang ini merupakan hasil usaha Dr. Chittenden dan Kapten R.O. Jenkins yang sentiasa mencari pem-

Sumatra dan Afrika Barat disemai daripada benih-benih yang diturunkan di ladang ini. Perkembangan pesat Ladang Prang Besar ini merupakan hasil kemudahan-kemudahan dan dorongan dua adik-beradik Kundersey dan K. Farley, Pengurus Ladang Sedgely semenjak tahun 1913. Di Ladang Prang Besar ini juga terdapat sebuah kilang pemproses (SMR) daripada hasil getah yang ditanam di ladang ini. Selain itu ladang ini dijadikan pusat penyelidikan untuk menghasilkan pelbagai peremaman benih getah. Pusat penyelidikan ini diasaskan oleh Mejar E.H.T. Gough sendiri bertujuan menghasilkan klon-klon getah yang bermutu tinggi untuk dipasarkan ke seluruh dunia. Kini Ladang Prang Besar akan mengalami satu lagi perkembangan yang besar, melalui pengisytiharan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 1019 pada tahun 1993 bahawa kawasan seluas 1671 hektar milik Ladang Prang Besar dan 381 hektar milik Ladang Galloway akan diambil alih untuk Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Prang Besar.

- Sumber Rujukan:
1. Fail SUK Selangor, 1029/20.
 2. Malay Mail, 16 Februari 1920, 22 Februari 1920.
 3. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh Golden Hope Plantations Bhd.
 4. Maklumat daripada Ladang Harrison & Crosfield Ltd, London.
 5. Maklumat-maklumat daripada Sejarah Lisan yang dikendalikan oleh Arkib Negara Malaysia.

"PRANG BESAR: Pusat Benih Getah Antarabangsa" (iamanamateur @ Flickr, July 7, 2011:

"PRANG BESAR: Pusat Benih Getah Antarabangsa".


1930-01-21: Tapak Penyelidikan Ladang Prang Besar

Tarikh	Butiran Keratan
1930.01.21	"APPLICATION BY PRANG BESAR ESTATE FOR LAND IN THE BANGI FOREST RESERVE FOR EXPERIMENTS CONNECTED WITH THE CULTIVATION OF PARA RUBBER". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

Ladang Prang Besar memohon sebidang tanah di dalam Hutan Simpan Bangi untuk tujuan penyelidikan tanaman getah.

CATATAN: Permohonan ini diluluskan, namun penyelidikan di situ tidak dapat bertahan lama akibat gangguan haiwan liar Hutan Simpan Bangi: "As far back as 1924, Gough established two seed gardens, each protected against pollinating agents from outside by some 25 chains of jungle. His diary recorded his objective: "To discover three types of improved breeding value". These gardens situated in the Bangi jungle had to be abandoned because of attack by monkeys and other predators. Later seed gardens were successfully established within coconut plantations located on the Bagan Datoh peninsula in Lower Perak. Seedlings from the Prang Besar Isolation Garden (PBIG) and Prang Besar Gough Garden (PBIG-GG) have been widely planted in Malaysia and overseas." (VD Nair, 1990-an:

"The Story of Prang Besar Estate").



Ladang Prang Besar, ditandakan merah (Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)".



Kawasan Ladang Prang Besar (kini Putrajaya), di sebelah kiri. Hutan Simpan Bangi (kini UKM), di sebelah kanan (Mapcarta).

LATAR PERISTIWA: Hutan Simpan Bangi (1906-kini).

1994-11-15: Pemandangan Ladang



Kiri: "PANDANGAN LADANG GETAH, PRANG BESAR, KAJANG ,SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara 2000/0011624W, 15/11/1994:

|
"PANDANGAN LADANG GETAH, PRANG BESAR, KAJANG ,SELANGOR. 15/11/1994").

Tengah: "KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara 2000/0011620W, 15/11/1994:

|
"KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994").

Kanan: "TEMPAT LETAK KERETA & KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR. " (Arkib Negara 2000/0014816W, 15/11/1994:

|
"TEMPAT LETAK KERETA & KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR").

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/prang_besar_estate?rev=1777419724

Last update: **2026/04/29 07:42**

